# LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

**(Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Resit Amanah-i (RA-i). Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am. Dapatkan penjelasan daripada Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma di dalam dokumen ini).**

**United Overseas Bank (Malaysia) Bhd**
**(Company No. 271809-K)**

**Produk: Resit Amanah-i (RA-i)**

**Tarikh:**

## 1. Apakah produk ini?

Resit Amanah-i (RA-i) ialah produk pembiayaan untuk membiayai pembelian/impot.

RA-i menyediakan satu cara pembiayaan kepada pembeli/pengimpot mendapatkan dana untuk membayar bagi pihaknya/usans membeli / mengimpot barangan.

## 2. Apakah konsep Shariah yang berkaitan?

- Konsep Shariah yang berkaitan untuk Resit Amanah-i / Resit Amanah dalam Matawang Asing-i (RA-i) ialah **Murabahah**.
- **Murabahah** merujuk kepada jual beli aset di mana kos perolehan dan harga jualan didedahkan kepada pembeli. Dalam transaksi **Murabahah**, anda (pelanggan) akan dilantik oleh Bank sebagai ejen untuk memperolehi aset yang diperlukan.

## 3. Apakah yang saya dapat dari produk ini?

- Anda akan disediakan dengan kemudahan untuk membiayai pembelian barangan anda dari pembekal dengan ciri-ciri utama seperi berikut:

| | |
|---|---|
| Jumlah Kemudahan | (Mengikut Surat Tawaran kepada anda) |
| Tempoh Matang | (Mengikut Surat Tawaran kepada anda) |
| Mata Wang | i) Ringgit Malaysia (seperti yang dibenarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013)<br>ii) Mata wang Asing |
| Had Jumlah | RM ______________<br>Catatan: Tidak melebihi had kemudahan yang diluluskan |
| Margin Pembiayaan | Sehingga 100% |
| Kadar Keuntungan | Kadar Pembiayaan Asas (KPA) / Kadar Kos Pembiayaan (KKP) / Kos Dana Pembiayaan (KDP) + ______________% setahun |
| Aset yang akan dibiayai | • Barangan halal<br>• Stok dan inventori<br>• Bahan mentah |

## 4. Apakah tanggungjawab saya?

Anda harus menyelesaikan jumlah pembiayaan sepenuhnya semasa RA-i matang.

## 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

| | |
|---|---|
| • Kadar Pembiayaan | Kadar Semasa Kadar Pembiayaan Asas (KPA)/Kos Dana Pembiayaan (KDP) termasuk spread / margin, jika berkenaan |

| | |
|---|---|
| • Duti Setem | • Mengikut Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)<br><table><tr><th>Yuran dan Caj</th><th>Jumlah (RM)</th></tr><tr><td>Perjanjian Kemudahan</td><td>Ad Valorem</td></tr><tr><td>Lain-lain dokumen keselamatan<br>➢ Surat Tawaran<br>➢ Nota Kontrak Murabahah</td><td><br>Nominal; RM10<br>Nominal; RM10</td></tr></table> |
| • Rentas | • RM9 |
| • SWIFT | • RM50 |
| • Caj Kabel | • RM50 |
| • Caj Lain | • Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www.uob.com.my untuk butiran lanjut |

Sila berurusan dengan Pengurus Perhubungan anda untuk mendapatkan butiran yuran dan caj Perbankan Islam Produk dan Perkhidmatan Pembiayaan Perdagangan atau sila rujuk laman web korporat kami.

Sekiranya ada apa-apa perubahan pada yuran dan caj yang berkaitan dengan produk ini, kami akan menghubungi anda sekurang-kurang 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaannya.

## 6. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Sekiranya anda gagal menunaikan tanggungjawab pembayaran anda mengikut tempoh yang ditetapkan, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan:

- **Caj Pampasan Gantirugi**

| | |
|---|---|
| Pembayaran tertunggak yang melebihi tempoh matang | $\frac{\text{Jumlah Pokok Tertunggak x Kadar IIMM x Bilangan Hari Terlewat}}{365}$<br>Catatan:<br>IIMM = Pasaran Wang Islamik Antara Bank |

- **Hak Penyelesaian**
  Pihak Bank berhak untuk mendebitkan akaun anda bagi tujuan menjelaskan tunggakan pembayaran dan anda akan dimaklumkan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum akaun anda didebitkan.

- **Tindakan Undang-undang**
  Tindakan undang-undang akan dikenakan sekiranya anda gagal untuk membalas notis peringatan. Pihak Bank boleh merampas sekuriti dan semua kos tuntutan akan ditanggung oleh anda. Pihak Bank berhak untuk menjalankan proses kebankrapan atau tindakan undang-undang lain yang bersesuaian. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa-apa tunggakan setelah sekuriti dilepaskan.

- **Perubahan Kepada Kadar Pembiayaan**
  Pihak Bank boleh menyemak semula kadar bayaran ansuran yang mungkin mengakibatkan jumlah ansuran menjadi lebih tinggi (tertakluk kepada Harga Jualan Bank) akibat daripada penstrukturan atau penjadualan semula bayaran pembiayaan. Anda akan dimaklumkan sekurang-kurangnya 21 hari kalender sebelum tarikh kuat kuasa semakan.

## 7. Bagaimanakah sekiranya saya membayar sepenuhnya pembiayaan sebelum tamat tempoh matang?

- Bank mempunyai pertimbangan sepenuhnya untuk memberikan potongan (Ibra') bagi apa-apa jumlah yang anda boleh bayar dengan memberi perhatian kepada mana-mana bayaran lewat di bayar bawah kemudahan yang diambil dari Bank dalam mana-mana situasi berikut:
  i. Mana-mana penyelesaian awal atau penebusan awal anda termasuk bayaran terdahulu;
  ii. Mana-mana penyelesaian Kemudahan RA-i akibat dari penstrukturan pembiayaan oleh anda sendiri;
  iii. Mana-mana penyelesaian dari anda selepas berlakunya peristiwa keingkaran;

iv. Mana-mana penyelesaian anda akibat dari penamatan atau pembatalan kemudahan RA-i sebelum tamat tempoh jangka masa Kemudahan RA-i; dan
v. Jika kemudahan RA-i didasarkan kepada kadar berubah, pada perbezaan antara Kadar Keuntungan Kotrak dan Kadar Keuntungan Efektif ketika Kadar Keuntungan Efektif lebih rendah dari Kadar Keuntungan Kontrak.

- Rebat (Ibra') = *Baki Keuntungan Belum Diterima - Caj Penyelesaian Awal (jika ada)

  **Baki Keuntungan Belum Diterima adalah bersamaan dengan keuntungan yang belum diperolehi semasa penyelesaian bayaran itu dibuat*

  Pengiraan potongan (Ibra') hendaklah dibuat mengikut peraturan, pengawalan dan/atau arahan (samada ada atau tiada kuasa perundangan) yang dikehendaki atau dikenakan ke atas Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa terhadap Bank. Pengiraan formula Rebat adalah mengikut seperti berikut:

  Keseluruhan Jumlah Keuntungan ditolak Keuntungan Sebenar tolak Perbankan lain-lain fi (jika berkaitan).

**8. Terma dan Syarat Ringkas**

Hanya bil/invois/barangan yang halal/patuh Shariah yang dibenarkan untuk transaksi ini:

- Bank akan membuat penstrukturan semula kemudahan Resit Amanah-i mengikut tempoh pegangan mengikut keperluan perniagaan anda dan pusingan dagangan tertakluk maksimum 365/366/360 hari.
- Jaminan / cagaran mungkin akan diminta bagi menyokong permohonan kemudahan Resit Amanah-i.
- Bayaran pendahuluan adalah dibenarkan tertakluk kepada peruntukan rebat.
- Penjamin hendaklah disediakan jika diperlukan.
- Anda mungkin akan diminta memberi kepada Bank satu senarai pembekal untuk kelulusan. Senarai pembekal yang diluluskan akan dinilai oleh Bank.
- Bank memberikan anda kebenaran dan kuasa untuk membuat kontrak untuk menjual barangan tersebut. Anda hendaklah dengan segera membayar jumlah hasil yang sama kepada Bank setelah menerima hasil jualan barangan tersebut yang akan digunakan sebagai bayaran balik terdahulu hutang anda di bawah Resit Amanah-i beserta semua keuntungan dan caj-caj lain yang masih belum dibayar. Semua hasil jualan barang-barang tersebut yang anda terima hendaklah disimpan sebagai amanah bagi pihak Bank.

**9. Adakah saya perlukan perlindungan takaful?**

- Ya. Sekiranya anda dan/atau pembekal anda memperoleh, menyelenggara dan anda boleh menyerahkan kepada Bank apa jenis insurans atau perlindungan insurans berkenaan dengan barang-barang tersebut bergantung kepada syarat-syarat kontrak tentang jenis Takaful atau perlindungan insurans dari syarikat berdaftar yang diterima oleh pihak Bank.

**10. Apakah risiko-risiko utama?**

- Jika pembiayaan dibuat dalam mata wang asing, anda mungkin menghadapi risiko kadar tukaran asing.
- Semua jumlah tertunggak bagi RA-i yang tamat tempoh akan dikenakan levi dengan kadar ganti rugi atau kadar-kadar lain yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dari semasa ke semasa.
- Jika anda gagal menyelesaikan transaksi RA-i yang telah matang, anda tidak akan dibenarkan menggunakan kemudahan RA-i selanjutnya dan proses mendapatkan semula termasuk tindakan undang-undang mungkin akan diambil terhadap anda untuk mendapatkan kembali jumlah yang belum dijelaskan.

**11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan pada butiran peribadi saya?**

- Adalah mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

- Sila maklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda di cawangan UOB yang berdekatan atau Pusat Perkhidmatan Perniagaan Perbankan atau menghubungi Pengurus Perhubungan UOB anda.

**12. Di manakah boleh saya mendapatkan bantuan dan pertolongan?**

- Jika anda mempunyai masalah untuk melakukan pembayaran balik, sila hubungi Bank dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik yang lain. Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan Akaun UOBM anda atau menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121
- Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Maju Junction Mall, Tingkat 8, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur (Tel: 03-26167766 atau E-mel ke enquiry@akpk.org.my).
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121.
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel: 1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke bnmtelelink@bnm.gov.my).

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk kami, sila lawati kami di cawangan OUB yang berhampiran, emel ke tradecustomerservice@uob.com.my atau layari www.uob.com.my untuk maklumat lanjut.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Perbankan Telefon UOB 24-jam kami di

| | |
|---|---|
| Kuala Lumpur | (6) 03 - 26128 121 |
| Penang | (6) 04 - 2401 121 |
| Johor Bahru | (6) 07 - 2881 121 |
| Kuching | (6) 082 - 287 121 |
| Kota Kinabalu | (6) 088 - 477 121 |

**13. Lain-lain kemudahan Perdagangan yang ada disediakan?**

- Surat Kredit-i
- Jaminan Bank-i
- Bil Penerimaan-i

**CATATAN PENTING:**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA MELANGGAR MANA-MANA TERMA PEMBIAYAAN TERKANDUNG DI SINI PADA TARIKH TAMAT TEMPOH**

*Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini sah pada 9 Nov 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank dari semasa ke semasa.*

Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sebagai petunjuk dan tidak mengikat pihak Bank. Terma-terma dan syarat muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan / atau Perjanjian Kemudahan selepas penilaian bank dan kelulusan pembiayaan.

| | |
|---|---|
| Saya / Kami dengan ini mengaku bahawa Pelanggan telah diberikan penerangan tentang Lembaran Maklumat Produk.<br><br>……………………………………..<br>Nama:<br>No K/P:<br>Tarikh: | Saya / Kami dengan ini mengaku telah menerima dan faham penerangan yang telah diberikan.<br><br>……………………………………………………<br>Nama:<br>No K/P:<br>Tarikh: |